

JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK



Kementerian Sumber Manusia

BULETIN JTK SARAWAK

EDISI 18 BIL 1/2018 (JANUARI - JUN 2018)

KANDUNGAN

Dari Meja Ketua Editor

Perutusan Pengarah

Tenaga Kerja Sarawak

Aktiviti Rasmi Jabatan

Aktiviti Kelab

Sudut Pendidikan Perburuhan

Info ICT

Berita Warga

*Salam Perkenalan

*Kenaikan Pangkat

*Pegawai Yang Telah Bersara

*Cahaya Mata

*Pertukaran (ke luar JTKSWK)

*Sekalung Takziah

*Perpisahan Pengarah

Sudut Bahasa



Dari Meja **KETUA EDITOR**



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Semoga semua pembaca dan khususnya warga kerja Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK Sarawak) sihat dan bersemangat selalu serta penuh berintegriti dalam menjalankan tugas-tugas sehari-hari.

Selamat bersua kembali. Buletin JTK Sarawak Edisi 18 Bil. 1/2018 ini merupakan keluaran pertama buletin ini bagi tahun 2018. Jabatan ini telah mengadakan pelbagai aktiviti dan program sepanjang tempoh liputan iaitu dari Januari hingga Jun 2018. Kami sajikan sebahagian daripadanya untuk tatapan pembaca budiman.

Sesi Konsultasi Awam bagi Kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2016 membuka tirai program dan aktiviti utama JTK Sarawak buat tahun 2018 ini. Ia diadakan pada 24 hingga 26 Januari 2018.

Menyusul selepas itu pada 27 Januari 2018 pula diadakan Program Karnival Kerjaya Pejabat Tenaga Kerja Sri Aman. Taklimat Agensi Pekerjaan Swasta (APS) diadakan pada 7 Februari 2018 serta Jobfair @ Serian 2018 pada 3 Mac 2018. Selepas sahaja program-program berkenaan diadakan pula Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada 14 Mac 2018 di Putrajaya.

Untuk meningkatkan kecekapan para pegawai Kursus Pengendalian Kes Buruh, Pemprosesan Permit Perburuhan dan Penyediaan Kertas Siasatan telah diadakan dari 17 hingga 20 April 2018.

Beberapa program karnival kerjaya lain untuk menemukan para majikan dan pencari-pencari kerja untuk tujuan penempatan pekerjaan juga terus dianjurkan dalam tempoh berkenaan. Ini telah memberikan manfaat kepada ramai pencari kerja di Bumi Kenyalang ini.

Semua program dan aktiviti ini dapat kita jayakan kerana kerjasama yang wujud dalam kalangan warga kerja JTK Sarawak sesuai dengan peribahasa, "Bulat air kerana pembetung; bulat manusia kerana muafakat".

Semoga paparan kami kali ini dapat dimanfaatkan bersama-bersama dan selamat membaca.

SULAIMAN BIN ISMAIL
Ketua Editor

Perutusan **PENGARAH** **TENAGA KERJA, SARAWAK**

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Buletin JTK Sarawak menemui pembaca budiman sekali lagi melalui keluaran ulungnya tahun ini. Semoga pembaca budiman sentiasa sihat dan penuh bersemangat serta ceria selalu. Marilah kita semua saling mengingatkan diri masing-masing untuk berkhidmat dengan penuh berintegriti demi negara tercinta.

Sebelum melangkah lebih jauh lagi, saya ingin menzahirkan rasa bangga dan ingin mengucapkan syabas kepada Ketua Editor dan semua editor Buletin JTK Sarawak ini kerana berjaya menghasilkan terbitan bagi edisi ke-18 ini.

Kini, kita telahpun melangkah ke separuh kedua tahun 2018. Masa berlalu begitu pantas meninggalkan kita. Masih hangat diperkatakan dalam kalangan kita ialah isu tentang gaji minimum. Untuk itu, satu sesi yang dikenali sebagai Sesi Konsultasi Awam bagi kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2016 telah diadakan pada 24 hingga 26 Januari 2018 yang lalu. Tujuan sesi konsultasi ini diadakan adalah untuk mendengar pandangan pihak-pihak yang berkepentingan sebelum ia dibawa ke peringkat lebih tinggi.

Di samping itu, karnival kerjaya yang terkenal dalam kalangan para pencari kerja turut diadakan lagi di Sri Aman, Serian, Kapit, Sarikei, Miri dan Kuching. Ia mendapat sambutan yang begitu baik daripada para pencari kerja di seluruh Bumi Kenyalang ini.

Majlis tahunan yang dinanti-nantikan oleh seluruh warga kerja Kementerian Sumber Manusia iaitu Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 telah diadakan pada 14 Mac 2018 di KSM. Seramai dua puluh empat (24) orang pegawai dan staf Jabatan Tenaga Kerja Sarawak berjaya menerima anugerah berkenaan. Tahniah saya ucapkan. Semoga anugerah ini menjadi pembakar semangat untuk mereka bekerja lebih bersungguh-sungguh dan dapat menjadi contoh dari segi pencapaian kerja dan disiplin diri kepada para pegawai dan staf lain.

Pada 11 Mei, warga kerja JTK Sarawak mengadakan Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih sebagai penghormatan terhadap bekas Pengarah Tenaga Kerja, Sarawak, Encik Jack Meredu anak Ko yang telah bersara. Saya dan seluruh warga JTK Sarawak mengucapkan jutaan terima kasih atas sumbangan beliau khususnya selama berkhidmat di JTK Sarawak dan dalam perkhidmatan awam amnya.



Pada 12 Jun 2018 pula satu operasi khas pemeriksaan berkanun yang dinamakan "Ops Sedar" telah dilancarkan di Kuching. Objektif utamanya adalah untuk meningkatkan kesedaran pematuhan undang-undang di kalangan majikan di samping memastikan pekerja-pekerja memahami hak-hak mereka di bawah undang-undang perburuhan.

Terdapat juga beberapa aktiviti dan program lain yang kami sajikan kepada pembaca budiman dalam buletin keluaran ini.

Sebelum mengundur diri, saya ingin mengalu-alukan dan mengucapkan selamat datang kepada semua warga kerja yang baru sahaja berpindah masuk ke Jabatan Tenaga Kerja Sarawak. Tahniah kepada mereka yang menikmati kenaikan pangkat. Selamat bersara khususnya kepada bekas Pengarah Tenaga Kerja, Sarawak, Encik Jack Meredu anak Ko yang telah menabur bakti selama ini. Di samping itu, selamat berpindah ke tempat kerja baharu kepada mereka yang terlibat.

Saya mengharapkan semoga perkongsian maklumat ini memberikan manfaat kepada semua pihak. Selamat membaca.

Sekian, wassalam dan selamat sejahtera.

AWANG RADUAN BIN AWANG OMAR
Pengarah Tenaga Kerja Sarawak

Sesi Konsultasi Awam bagi Kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2016



Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah menganjurkan sesi konsultasi awam bagi kajian semula Perintah Gaji Minimum 2016 seperti berikut:-

Tarikh	Tempat	Bil. Peserta yang Hadir
24 Januari 2018	Institut Latihan Perindustrian Kota Samarahan	Majikan / Persatuan Majikan – 89 Pekerja / Kesatuan Sekerja – 11
25 Januari 2018	Dewan Suarah Sibu	Majikan / Persatuan Majikan – 65 Pekerja / Kesatuan Sekerja – 41
26 Januari 2018	Institut Latihan Perindustrian Miri	Majikan / Persatuan Majikan – 56 Pekerja / Kesatuan Sekerja – 43

Sesi ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dari majikan / persatuan majikan dan pekerja / kesatuan sekerja berhubung pelaksanaan gaji minimum dan maklum balas yang diterima ini akan dijadikan sebagai input bagi kajian semula Perintah Gaji Minimum 2016. Sesi ini telah diadakan secara Perbincangan Kumpulan Fokus atau Focus Group Discussion (FGD) yang melibatkan dua kumpulan, iaitu kumpulan majikan / persatuan majikan dan kumpulan pekerja / kesatuan sekerja.



Program Karnival Kerjaya

Pejabat Tenaga Kerja Sri Aman



Pejabat Tenaga Kerja Sri Aman telah melaksanakan Program Karnival Kerjaya pada 27 Januari 2018 (Sabtu) bertempat di Dewan Suarah, Sri Aman. Sebanyak 25 booth temuduga telah disediakan untuk program ini dengan penyertaan seramai 18 majikan dari dalam dan luar bahagian Sri Aman. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Masir Kujat, Timbalan Menteri 2, Kementerian Dalam Negeri. Dianggarkan seramai 795 orang pengunjung yang hadir ke program ini. Sebanyak 558 kekosongan jawatan telah ditawarkan oleh majikan yang menyertai program ini. Jumlah pencari kerja yang telah ditemuduga pada hari tersebut ialah seramai 502 orang dan seramai 224 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan. Antara aktiviti-aktiviti yang berlangsung semasa program ini termasuk:-

- (i) Khidmat nasihat perburuhan di kaunter Jabatan;
- (ii) Pendaftaran pencari kerja dan majikan secara *offline* (borang manual Jobsmalaysia);
- (iii) Temuduga terbuka oleh majikan melibatkan pencari kerja;
- (iv) Pameran oleh agensi kerajaan;
- (v) Saringan kesihatan KKM; dan
- (vi) Ceramah serta kaunseling kerjaya.



Para pengunjung yang menghadiri majlis perasmian



Kaunter untuk mendapatkan borang permohonan kerja



Para pencari kerja sedang mengisi borang permohonan kerja



YB Dato' Masir Kujat, Timbalan Menteri 2, Kementerian Dalam Negeri, sedang menyampaikan ucapan perasmian

Kunjungan Kesatuan Pekerja Telekom Malaysia Berhad Sarawak (UTES)

Pada 31 Januari 2018 jam 3.00 petang, Ibu Pejabat JTK Sarawak telah menerima kunjungan daripada wakil-wakil Kesatuan Pekerja Telekom Malaysia Berhad Sarawak (UTES). Kunjungan mereka disambut oleh Encik Barnabas anak Ahjam, Ketua Bahagian Penguatkuasaan beserta 3 orang pegawai di bahagian tersebut.

Tujuan kunjungan tersebut diadakan ialah bagi membincangkan dan mendapatkan pandangan berhubung potongan-potongan yang dibenarkan di bawah seksyen 114 Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76). Perbincangan berjalan lancar dan pihak kesatuan telah mendapat maklumat dan penjelasan yang diinginkan.



Taklimat Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017



Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak telah menganjurkan Taklimat Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017 pada 7 Februari 2018 bertempat di Auditorium Tingkat 17, Bangunan Sultan Iskandar, Kuching.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Puan Aida binti Bakar, Pegawai daripada JTK Semenanjung Malaysia. Tetamu jemputan yang turut hadir taklimat ini ialah Puan Paeza Rosdi, Timbalan Ketua Pengarah JTK Semenanjung Malaysia, Encik Sulaiman bin Ismail, Timbalan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Ketua-ketua Bahagian serta para pegawai Jabatan. Seramai 90 orang pemilik atau wakil Agensi Pekerjaan Swasta telah hadir ke taklimat ini.

Tujuan taklimat adalah memberi penerangan kepada para pemilik Agensi Pekerjaan Swasta berhubung pindaan Akta berkaitan yang telah berkuatkuasa mulai 1 Februari 2018.





Ucapan perasmian oleh YB Dato' Sri (Dr) Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia

AKTIVITI RASMI
JABATAN

Jobfair@Serian Sarawak 2018

Program Karnival Kerjaya Peringkat Kebangsaan 2018 atau nama lainnya Jobfair@UTC 4.0 telah diadakan serentak di seluruh Malaysia pada 3 Mac 2018 bertempat di UTC setiap Negeri. Di Sarawak, program ini telah diadakan di Dewan Serbaguna SJK Chung Hua Serian dan dinamakan Jobfair@Serian Sarawak 2018 yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri (Dr) Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia. 20 majikan telah menyertai program kali ini dengan mengadakan temuduga terbuka dan menawarkan sebanyak 1,115 kekosongan jawatan. Seramai 483 orang pencari kerja telah ditemuduga di mana 220 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan pada hari tersebut.

Dianggarkan seramai 1,866 orang pengunjung telah hadir ke program ini. Antara aktiviti-aktiviti yang berlangsung semasa program ini termasuk:-

- (i) Temuduga Terbuka;
- (ii) Khidmat Nasihat Perburuhan;
- (iii) Ceramah Kerjaya;
- (iv) Pendaftaran JobsMalaysia; dan
- (v) Pameran Agensi Kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia.



YB Dato' Sri (Dr) Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia memukul gong sebagai salah satu simbolik perasmian



Lawatan ke booth pendaftaran temuduga oleh YB Dato' Sri (Dr) Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia



Para pencari kerja sedang menunggu giliran untuk ditemuduga oleh majikan



Sesi gambar berkumpulan para petugas selepas tamat program

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2017

Pada 14 Mac 2018, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2017 telah diadakan di Auditorium Kompleks D8, Kompleks D, Putrajaya dan dirasmikan oleh Menteri Sumber Manusia, Yang Berbahagia Dato' Sri (Dr) Richard Riot anak Jaem.

Seramai 24 orang pegawai dan kakitangan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Sokongan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Jadual di bawah menunjukkan kumpulan gred dan bilangan penerima anugerah tersebut.



Sesi bergambar para penerima APC Jabatan bersama dengan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Sumber Manusia

Bil.	Nama Penerima	Jawatan	Gred	Pejabat Tenaga Kerja
1	Sulaiman bin Ismail	Timbalan Pengarah	S54	Ibu Pejabat
2	Florence Yong Hui Ling	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S44	Kuching
3	Dorrhea anak Chuat	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S44	Bintulu
4	Jeffry Douglas anak William Nagun	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S44	Ibu Pejabat
5	Asmah binti Bujang	Pegawai Perhubungan Perusahaan	Fleksi S41/S44	Sarikei
6	Aida Fadzilla binti Yusuf	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S41	Ibu Pejabat
7	Steward anak Baring	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	S32	Sibu
8	Siti Para Suara binti Ahmad	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	S29	Miri
9	Heyward anak Banggit	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	S29	Serian
10	Augless Jinie	Setiausaha Pejabat	N29	Ibu Pejabat
11	Mariam Diana anak Martin	Jurubahasa	LA29 (KUP)	Lawas
12	Diana binti Haji Nerawi	Pembantu Tadbir (Kew)	W29 (KUP)	Betong
13	Barbara anak Suyang	Pembantu Tadbir (P/O)	N22 (TBK)	Ibu Pejabat
14	Teresa Rami anak Mugah	Pembantu Tadbir (Kew)	W22 (TBK)	Sarikei
15	Kamisiah binti Rambli	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	Ibu Pejabat
16	Dening Kim Huat	Pembantu Tadbir (P/O)	N19 (KUP)	Ibu Pejabat
17	Gorettie Crissy Sudin	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	Bakun
18	Flynna Barbra Tham	Jurubahasa	LA19	Kota Samarahan
19	Irwan Syahrin bin Mohd Anuar	Pembantu Perhubungan Perusahaan	S19	Kuching
20	Nur Atiqah binti Abdullah	Pembantu Perhubungan Perusahaan	S19	Miri
21	Stewart Lian	Pembantu Perhubungan Perusahaan	S19	Marudi
22	Authur anak Raphael Jessy	Pembantu Operasi	N11	Sri Aman
23	Rahayu binti Amri	Pembantu Operasi	N11	Ibu Pejabat
24	Jeffery bin Bakar	Pemandu Kenderaan	H11	Sibu

Program Karnival Kerjaya

Pejabat Tenaga Kerja Kapit



Pejabat Tenaga Kerja Kapit telah melaksanakan Program Karnival Kerjaya Peringkat Bahagian Kapit pada 17 Mac 2018 (Sabtu) bertempat di Dewan Suarah, Kapit. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat setempat yang masih belum bekerja atau inginkan peningkatan dalam kerjaya terhadap peluang-peluang pekerjaan yang sedia ada. Seramai 25 majikan dengan menawarkan sejumlah 3,044 kekosongan jawatan telah mengadakan aktiviti temuduga terbuka sepanjang program ini.

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Dr. James Jemut Masing, Timbalan Ketua Menteri, Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan Sarawak. Dianggarkan seramai 1,119 orang pengunjung telah hadir program ini. Jumlah pencari kerja yang telah ditemuduga ialah 433 orang dan 54 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan pada hari tersebut.



Ucapan perasmian oleh YB Tan Sri Datuk Amar Dr. James Jemut Masing, Timbalan Ketua Menteri, Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan Sarawak



Para pencari kerja melihat senarai jawatan yang dipamerkan



Para petugas membuat pendaftaran secara manual bagi pencari kerja yang mengikuti temuduga

PROGRAM SHARING HRMIS APPLICATION KNOWLEDGE & EXPERIENCE (SHARE)



Para peserta bengkel sedang memberi perhatian terhadap ceramah yang disampaikan



Sesi penyampaian cenderahati kepada penceramah jemputan



Encik Sulaiman bin Ismail,
Timbalan Pengarah
Tenaga Kerja Sarawak
menyampaikan amanat
semasa sesi penutupan
bengkel



Bengkel ini telah diadakan pada 20^{hb} hingga 23^{hb} Mac 2018 di INTAN Sarawak dan dihadiri oleh 42 orang pegawai dan kakitangan daripada Ibu Pejabat dan Pejabat Tenaga Kerja Bahagian di Sarawak. Penceramah jemputan yang menjayakan bengkel ini ialah Puan Zuraini binti Yaacob dan Puan Nor Ngasikin binti Mohd. Taib daripada Unit HRMIS KSM. Antara objektif bengkel ini adalah seperti berikut:-

- (i) memahami kehendak organisasi, memantau prestasi dan pembangunan kerjaya sendiri serta menggalakkan pembangunan diri;
- (ii) menjadikan pengurusan prestasi sebagai rutin harian, membolehkan pemantauan tahap prestasi dan objektif setiap individu dan pasukan secara *online* (HRMIS) serta menilai keberkesanan penggunaan sumber manusia; dan
- (iii) mewujudkan pengukuran standard untuk menilai prestasi individu dan pasukan di seluruh Pejabat Tenaga Kerja Bahagian dan Jabatan.



Encik Sulaiman bin Ismail, Timbalan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak bergambar kenangan bersama penceramah jemputan dan para peserta bengkel

Program Karnival Kerjaya

Pejabat Tenaga Kerja Sarawak



Sesi bergambar para petugas bersama Encik Sulaiman bin Ismail, Timbalan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak selepas tamat program



Para pencari kerja sedang mendapat maklumat jawatan kosong yang ditawarkan



Para pencari kerja mendapatkan borang permohonan di kaunter



Para pencari kerja sedang mengisi borang permohonan



Pendaftaran pencari kerja di kaunter pendaftaran temuduga

Program Karnival Kerjaya Sempena Fiesta NBOS Peringkat Kebangsaan 2018 telah diadakan pada 14 April 2018 bertempat di Sarakei Innovation Center (S.I.C) dan dianggarkan seramai 1,297 orang pengunjung telah hadir ke program ini. 21 majikan telah menyertai program kali ini dengan menawarkan 1,004 kekosongan jawatan. Pada hari tersebut, majikan telah menemuduga seramai 177 orang pencari kerja dan 126 orang berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan.

KURSUS PENGENDALIAN KES BURUH / PEMPROSESAN PERMIT PERBURUHAN DAN PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN

Bahagian Penguatkuasaan dan Unit Undang-Undang Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah menganjurkan Kursus Pengendalian Kes Buruh / Pemprosesan Permit Perburuhan dan Penyediaan Kertas Siasatan yang berlangsung pada 17 hingga 20 April 2018 bertempat di Dorset Boutique Hotel Kuching dengan jayanya. Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai Tenaga Kerja Gred S29 hingga S41 telah hadir mengikuti kursus ini.



Objektif kursus ini dianjurkan adalah sebagaimana yang berikut:-

- (i) memberi pendedahan intensif kepada pegawai mengenai tatacara yang betul mengendalikan prosiding di Mahkamah Buruh;
- (ii) memberi pendedahan kepada pegawai berkenaan dengan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan kepentingan penyediaan alasan penghakiman;
- (iii) memberi pendedahan intensif kepada para pegawai berkenaan dengan tatacara penyediaan alasan penghakiman;
- (iv) mendedahkan secara terperinci kepada pegawai bagaimana kertas siasatan disediakan dari segi siasatan di tempat kejadian, rakaman percakapan saksi, pengumpulan bukti, pengendalian ekshibit dan sebagainya;
- (v) memberi pendedahan kepada para pegawai berkenaan dengan Undang-Undang seperti Akta Keterangan dan Kanun Tatacara Jenayah;
- (vi) memberi pendedahan kepada para pegawai berkenaan dengan kuasa pemeriksaan di bawah undang-undang dan tatacara pemeriksaan berkanun yang berkesan; dan
- (vii) memberi penjelasan kepada pegawai tentang apa yang perlu dilakukan sebelum pemeriksaan, semasa pemeriksaan dan selepas pemeriksaan.



Perhimpunan Bulanan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak Bil. 1 Tahun 2018



Perhimpunan ini telah diadakan pada 20 April 2018 bertempat di Auditorium, Tingkat 17, Bangunan Sultan Iskandar, Kuching. Warga kerja daripada Ibu Pejabat, Pejabat Tenaga Kerja Kuching, Serian, dan Kota Samarahan serta Ketua Pejabat Bahagian di Sarawak telah menyertai perhimpunan ini.

Antara aktiviti yang berlangsung semasa perhimpunan ini adalah penyampaian Sijil Penghargaan kepada 7 orang warga Jabatan yang telah berkhidmat 25 tahun ke atas dalam Perkhidmatan Awam dan sambutan Hari Jadi bagi kakitangan yang lahir pada bulan Januari hingga April. Selain itu, sesi serah tugas Pengarah Tenaga Kerja Sarawak kepada Timbalan Pengarah turut diadakan semasa perhimpunan ini.



Program Karnival Kerjaya

Pejabat Tenaga Kerja Miri



Pejabat Tenaga Kerja Miri telah mengadakan Program Karnival Kerjaya 2018 di Permy Mall, Miri pada 21 April 2018. Program ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada orang awam terutamanya pencari kerja dan dianggarkan seramai 2,167 orang pengunjung telah hadir. Sebanyak 1,502 kekosongan jawatan telah ditawarkan oleh 25 majikan yang menyertai program ini. Seramai 1,160 orang pencari kerja telah ditemuduga oleh majikan dan 351 orang berjaya ditempatkan pada hari tersebut.

Sesi temuduga oleh majikan



Kaunter pendaftaran untuk temuduga terbuka




Program Karnival Kerjaya

Pejabat Tenaga Kerja Kuching



Program ini telah diadakan pada 5 Mei 2018 bertempat di Bangunan Lama DUN, Petra Jaya, Kuching. Sebanyak 34 majikan telah menyertai program ini dengan menawarkan 2,242 jawatan kosong kepada para pencari kerja. Pada hari tersebut, seramai 1,075 orang pencari kerja telah ditemuduga dan 145 orang telah ditempatkan dalam pekerjaan. Program ini telah mendapat sambutan daripada orang awam terutamanya pencari kerja dan dianggarkan seramai 3,997 orang pengunjung telah hadir.



Kawasan paparan jawatan kosong



Kaunter borang permohonan kerja



Kawasan pendaftaran temuduga



Encik Sulaiman bin Ismail, Timbalan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak menyampaikan sijil penghargaan kepada salah satu majikan yang menyertai program ini

Taklimat Asas

Pertolongan Cemas di Tempat Kerja



Taklimat ini telah diadakan pada 11 Mei 2018 bertempat di Bilik Gerakan Utama, Tingkat 9, Bangunan Sultan Iskandar, Kuching. Objektif adalah untuk memberi pendedahan awal kepada semua ahli pasukan *Emergency Response Team* (ERT) yang baru dilantik oleh Jabatan bagi memahami dan mempelajari ilmu berkaitan pertolongan cemas. Seramai 43 orang peserta terdiri daripada Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional serta Kumpulan Pelaksana dari setiap Pejabat Bahagian dan Ibu Pejabat telah hadir ke taklimat ini. Taklimat ini telah dikendali oleh Encik Jamain anak Ambang, Penolong Pegawai Perubatan U32 dari Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching.

Majlis Sanjungan Budi Lambai Kasih

Majlis ini telah diadakan bersempena persaraan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, YBhg. Encik Jack Meredu anak Ko, sebagai tanda penghargaan di atas jasa dan sumbangan beliau sepanjang berkhidmat dengan JTK Sarawak. Warga kerja Jabatan dari Ibu Pejabat, Pejabat Tenaga Kerja Kuching, Kota Samarahan, Serian dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) turut hadir ke majlis ini.



Ucapan aluan oleh Encik Sulaiman bin Ismail, Timbalan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak



Encik Kipli bin Dollah mewakili warga Jabatan untuk menyampaikan ucapan penghargaan kepada YBhg. Encik Jack Meredu anak Ko



YBhg. Encik Jack Meredu anak Ko sedang menyampaikan ucapan



Sesi persembahan oleh warga kerja Ibu Pejabat



Sesi penyampaian cenderahati kepada YBhg. Encik Jack Meredu anak Ko oleh wakil Jabatan, Pejabat Bahagian dan Kelab Kebajikan dan Sosial JTK Sarawak

Operasi Khas Pemeriksaan Berkawan “Ops Sedar”

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah mengadakan satu operasi khas pemeriksaan berkawan “Ops Sedar” pada 12 Jun 2018 di sekitar kawasan Kuching. Operasi ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pematuhan undang-undang di kalangan majikan di samping memastikan pekerja-pekerja memahami hak-hak mereka di bawah undang-undang perburuhan.

Operasi ini diketuai oleh Encik Sulaiman bin Ismail, Timbalan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak dan melibatkan 18 orang Pegawai Penguatkuasa dari Ibu Pejabat dan Pejabat Tenaga Kerja Kuching. Dalam operasi ini, sebanyak 33 tempat pekerjaan telah diperiksa di mana sebanyak 140 pelanggaran undang-undang telah dikesan. Sehubungan itu, tindakan telah diambil oleh Jabatan dengan mengeluarkan notis kepada majikan bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh mereka yang terlibat.

Antara 140 pelanggaran yang telah dikesan semasa operasi ini seperti berikut:-

Bil.	Jenis Pelanggaran Perundangan Buruh	Bilangan Majikan
1.	Gagal menyimpan daftar peribadi	25
2.	Gagal menyimpan daftar terma dan syarat penggajian	23
3.	Gagal menyimpan daftar gaji dan elauan	22
4.	Membayar gaji melalui bank tanpa kebenaran bertulis pekerja	13
5.	Gagal memberi notis di bawah seksyen 60A	10
6.	Gagal membayar gaji kerja lebih masa kepada pekerja	8
7.	Gagal membayar gaji kerja hari kelepasan	7
8.	Gagal untuk membayar gaji dalam masa yang ditetapkan	6
9.	Gagal membayar gaji hari kelepasan	5
10.	Gagal memberi daftar gaji dan elauan kepada pekerja	4
11.	Menghendaki pekerja untuk bekerja melebihi tempoh 10 jam	4
12.	Lain-lain	13
Jumlah		140



Sumbangan Bantuan kepada Ahli yang telah Meninggal

Allahyarham Mohammad Hafizan bin Haji Helmi, Pembantu Operasi Gred N1 dari PTK Sri Aman telah kembali ke rahmatullah pada 24.12.2017. Pada 9 Januari 2018, Ahli Jawatankuasa Kelab Sosial dan Kebajikan JTK Sarawak (Induk) bersama wakil pengurusan JTK Sarawak telah melawat Puan Marlina Asnia binti Sai-ee, isteri kepada Allahyarham di rumah keluarga mereka di Jalan Astana Kuching. Majlis penyerahan cek tunai telah disempurnakan kepada isteri Allahyarham dan diharapkan bantuan tersebut serba sedikit dapat meringankan bebanan mereka sekeluarga.



Allahyarham Ismandi bin Wahid, Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S32 dari PTK Sibu telah kembali ke rahmatullah pada 24.04.2018. Pada 26 April 2018, Puan Asmarina binti Othman (wakili pengurusan JTK Sarawak), Encik Tujuh anak Bachat (wakil Jawatankuasa Induk Kelab Sosial dan Kebajikan JTK Sarawak), Tuan Haji Rahman bin Masaat (wakil PTK Sibu) dan Encik Kennedy anak Lawrence (wakil Jawatankuasa Kelab Sosial dan Kebajikan JTK Sarawak Cawangan PTK Sibu) telah melawat untuk menyampaikan sumbangan Jabatan dan Kelab kepada ahli keluarga Allahyarham. Diharapkan bantuan tersebut serba sedikit dapat meringankan bebanan ahli keluarga Allahyarham.





PERTANDINGAN SUKAN GUSTI LENGAN

Pada 30 Jun 2018, Kelab Sosial dan Kebajikan Cawangan Pejabat Tenaga Kerja (PTK) Marudi dengan julung kalinya menganjurkan Pertandingan Sukan Gusti Lengan bertempat di Perkarangan Letak Kereta, Wisma Persekutuan Marudi. Pertandingan ini mendapat sambutan 22 orang peserta dan mempunyai 4 kategori iaitu Kategori 75kg ke atas Lelaki, 75kg ke bawah Lelaki, 75kg ke atas Perempuan dan 75kg ke bawah Perempuan. Pertandingan ini telah dirasmikan oleh Pengurus Kelab iaitu Encik Lio Siang Yun. Aktiviti sampingan semasa pertandingan tersebut ialah terapi kaki yang dikendalikan oleh salah seorang peserta Azam Kerja.



Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017

OBJEKTIF PINDAAN

- 1 Menambahbaik dan memodenkan perundangan berkaitan agensi pekerjaan swasta, selaras dengan keperluan semasa
- 2 Memperluaskan litar pemasukan akta ini kepada ejen yang mengjalankan aktiviti penempatan pekerja bukan warganegara dan pelajar di domistik asing
- 3 Memperkasakan aktiviti penguatkuasaan
- 4 Untuk memperkemas pelepasan dan kawabdaan ke atas APS

TARIKH KUATKUASA & STATUS LESEN SEDIA ADA

Tarikh kuatkuasa: 1.2.2018

- Permohonan lesen baru boleh dibuat bermula 1.2.2018.

ISU: Lesen sedia ada sah laku sehingga bila?

- Lesen sedia ada masih sah laku sehingga tarikh tamat tempoh lesen.

TAFSIRAN PENTING

"Agensi Pekerjaan Swasta"

"suatu pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan diberikan lesen di bawah Akta ini untuk menjalankan aktiviti merekut"

"Iklan"

"pelawaan atau maklumat yang telah disebarkan, disiaran atau dipamerkan berhubung dengan aktiviti merekut dengan apa-apa cara atau bentuk termasuk komunikasi lisan atau bertulis dengan cara media cetak, elektronik atau apa-apa media lain"

Definisi

"Merekut"

aktiviti yang dilakukan oleh mana-mana orang, termasuk aktiviti pengiklanan, sebagai persyaratan antara majikan dan pencari kerja untuk -
 (a) mewawancara untuk mencari pekerjaan, mewawancara mutu pekerjaan atau mendapatkan pekerjaan, bagi seorang pencari kerja atau;
 (b) mewawancara untuk mencari pekerja, mewawancara pekerja atau mendapatkan pekerja, bagi seorang majikan.

Pelaksanaan RUU APS

SYARAT PEMERIKSAAN SEBAGAI BAHAN PERNIAGAAN DI BAWAH SEKSEYAM 9 RUU

- 1 Badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016
 - Model korporat minimum sesuai dengan dalam Jadual Kadua.
 - Sekurang-kurangnya 51% ejen, disenggara warganegara Malaysia
 - Sama sejalan dengan Akta Lembaran Persejarah alih-alih walaupun berdasarkan.
- 2 Pengarah syarikat
 - Warganegara Malaysia
 - Bukan seorang bankir yang belum diluluskan.
 - Tidak mudahlah dalam mana-mana undang-undang berbilang berlumur ATIPOM.
- 3 Premis
 - Premis yang sesuai sesuai dengan dalam Akta Peraturan 30/2018.
- 4 Bantuan teknologi difikirkan pada undang-undang "Agenzia Kekurangan Tempatan"
- 5 Menggunakan teman premis daripada PET (Pusat Berusaha Tempatan) sebagai syarat kerjasama teman

PENALTI

JENIS PERLAKUAN	Bersifat langsung sah Sek. 7	Menyentuh maklumat lesen berdasarkan undang-undang Sek. 13C	Mengandungi pencari kerja, maklumat atau pekerja bukan warganegara dengan memberikan maklumat palsu	Melanggar peruntukan Akta, perordian dan peraturan undang-undang yang dibuat di bawah Akta ini	Perlakuan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta 246 Sek. 27(2)(b)
PENALTI (RM)	200,000	100,000	50,000	50,000	250,000
PERJARA	53 tahun	52 tahun	51 tahun	51 tahun	-

PENGANTUNGAN/PERHAKUATAN LESEN

- APS yang melaksanakan keseluruhan kerjanya. Verifikasi dalam/maklumat, ketika alternatif maklumat GANTUNG/SATAS/lesen
- a) tetap melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.
 - b) tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikemukakan oleh Ketua Pengarah.
 - c) tetap diselakuan atas suatu keseluruhan di bawah Akta atau Pengarah Agensi Pekerjaan Swasta itu tetap dililah di bawah mana-mana undang-undang berbilang yang berhubung dengan antispendadangan orang dan buruh paksa;
 - d) tetap dipungut atau solohnya dibubarkan;
 - e) tidak mematuhi apa-apa arahan berbilang yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta;
 - f) tetap mendorong pengeluaran lesen dengan representasi palsu tentang faktor;
 - g) menggunakan lesen yang diberikan di bawah Akta bagi maklumat yang menyatahi undang-undang; atau
 - h) tetap terhadai mensalurkan aktiviti merekut.

Maklumat lanjut, sila hubungi:-
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak,

Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang Tiga, 93532 Kuching
Tel: 082-242261

Faks: 082-244909

PEMBERITAHUAN

Melalui pindaan ini, semua pemegang lesen sedia ada perlu memberi lesen sedia ada kepada lesen baru mengikut kategori lesen yang telah ditetapkan.

-  Semua agensi pekerjaan swasta yang telah lalu tempoh leseninya sebelum atau pada 31 Januari 2018 boleh mulai memintum bon tunai daripada Jabatan Tenaga Kerja dan Pejabat Tenaga Kerja berhampiran
-  Mana-mana lesen yang masih sah laku akan terus berkuatkuasa sehingga tamat tempoh lesen tersebut.
-  permohonan dan pembaharuan lesen selepas 1 Februari 2018 hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Akta 246 (Pindaan) 2017, [Acara Ketua Pengarah III, 1/2018](#) dan [Garis Panduan berhubung Prosedur Pelepasan](#).
-  permohonan lesen adalah ditangguhan bermula pada 15 Januari 2018 sehingga akta ini dikuatkuasakan.



PERLU TAHU ICT


Pengguna WiFi Awam, Anda Diperhatikan



Adalah menjadi kebiasaan apabila di tempat awam seperti restoran atau hotel kita gemar bertanyakan petugas di situ, apakah password WiFi.

Tetapi tahukah anda, WiFi percuma di tempat awam ini mempunyai risiko keselamatan yang sangat tinggi? Ia memberi ruang kepada penjenayah siber untuk mencuri maklumat peribadi anda, melalui WiFi percuma ini.

- Elakkan daripada melakukan aktiviti penting seperti perbankan atau membeli-belah melalui rangkaian awam.
- Elakkan daripada login ke mana-mana laman web yang memerlukan nama pengguna dan katalaluan.
- Sentiasa pastikan laman web yang digunakan untuk menghantar atau menerima maklumat sensitif menggunakan https.



Pesanannya daripada BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT (BPM), KSM

Salam Perkenalan



Nama Pegawai : Desmond anak Pungga
Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred H11
Dari : Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Bintulu
Ke : PTK Sarakei
Tarikh Kuat Kuasa : 26.02.2018



Nama Pegawai : Peggy anak Amis
Jawatan : Jurubahasa Gred LA19
Dari : Mahkamah Majistret Kuala Lumpur
Ke : PTK Miri
Tarikh Kuat Kuasa : 16.04.2018



Nama Pegawai : Jessie anak Julius Edward
Jawatan : Jurubahasa Gred LA22
Dari : Mahkamah Sesyen Miri
Ke : PTK Kuching
Tarikh Kuat Kuasa : 24.04.2018



Nama Pegawai : Hii Poung Ing
Jawatan : Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44
Dari : Jabatan Perikanan Laut Sarawak
Ke : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Tarikh Kuat Kuasa : 30.04.2018

Kenaikan Pangkat



Nama Pegawai : Sapinah binti Mohamad Ibrahim
Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S44 (M)
Penempatan : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Tarikh Kuat Kuasa : 19.02.2018

Bersara



Nama Pegawai : Jack Meredu anak Ko
Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred Utama C
Tarikh Bersara : 01.06.2018
Pejabat / Bahagian : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

Cahaya Mata



Nama Pegawai : Edwin Eddy anak Eddy
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S32
Pejabat / Bahagian : PTK Marudi
Nama Anak : Elthea Santania anak Edwin Eddy
Tarikh Lahir : 12.02.2018
Jantina : Perempuan

Pertukaran (ke luar JTKSWK)



Nama : Roland bin Daniel
Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41
Dari : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Ke : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sabah
Pada : 15.01.2018



Nama : Jeff Johamson anak Fredy
Jawatan : Pembantu Perhubungan Perusahaan Gred ST9
Dari : PTK Sri Aman
Ke : Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Pada : 08.02.2018



Nama : Mohd Hussin bin Misri
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29
Dari : PTK Bintulu
Ke : PTK Batu Pahat
Pada : 15.01.2018



Nama : Mohd Asyrani bin Junaidi
Jawatan : Jurubahasa Gred LA29 (KUP)
Dari : PTK Miri
Ke : Mahkamah Sesyen / Majistret Taiping
Pada : 16.04.2018



Nama : Mas Ali Fadzillah bin Mas Ikeram
Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred H11
Dari : PTK Sarikei
Ke : Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Bintulu
Pada : 26.02.2018



Nama : Muhammad Hasrul bin Arshad
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29
Dari : PTK Miri
Ke : Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Sarawak
Pada : 28.05.2018



Nama : Chrysostom anak Thomas
Jawatan : Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41
Dari : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
Ke : Jabatan Perikanan Laut Sarawak
Pada : 30.04.2018

Salam Takziah

Ayahanda kepada Encik Nigel anak Na'of, Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41 dari Ibu Pejabat, JTK Sarawak telah meninggal dunia pada 23.03.2018; dan

Allahyarham Ismandi bin Wahid, Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S32 dari PTK Sibu telah kembali ke rahmatullah pada 24.04.2018.



Warga kerja JTK Sarawak mengucapkan takziah kepada keluarga mereka yang berkenaan. Semoga rohnya dihimpunkan dalam kalangan orang-orang yang beriman. Amin.



Salam Perpisahan Pengarah

Selamat maju jaya diucapkan kepada Encik Jack Meredu anak Ko, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak yang telah bersara pada 31 Mei 2018. Jutaan terima kasih di atas jasa dan sumbangan tuan yang tidak ternilai kepada Jabatan.



2 Disember 1977 – 15 September 2005	Pegawai Buruh, Jabatan Buruh Sarawak
16 September 2005 – 31 Januari 2007	Pegawai Perhubungan Perusahaan, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
1 Februari 2007 – 11 Februari 2008	Pegawai Perhubungan Perusahaan, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
12 Februari 2008 – 31 Mac 2008	Pegawai Perhubungan Perusahaan, Institut Sumber Manusia Kebangsaan (ISMK)
1 April 2008 – 15 Disember 2010	Pengarah Jabatan Perhubungan Perusahaan W.P. Kuala Lumpur
16 Disember 2010 – 15 Mei 2012	Pengarah Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
16 Mei 2012 – 28 Februari 2013	Timbalan Setiausaha, Bahagian Dasar Perburuhan KSM
1 Mac 2013 – 14 Oktober 2014	Pengarah Bahagian Standard Perburuhan, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
15 Oktober 2014 – 19 Januari 2017	Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
20 Januari 2017 – 31 Mei 2018	Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

Penggunaan Bahasa Malaysia dari Kaca Mata Bukan Ahli Bahasa

KATA MAJMUK DAN ULASAN MAJMUK

oleh Wahid Olen, Munsyi Muda Bahasa

Seorang rakan bertanya kepada saya sama ada perkataan "ibu pejabat" dieja secara disambung atau diasingkan. Ini merupakan satu bentuk kata majmuk. Saya menyatakan bahawa jika satu-satu perkataan itu boleh berdiri sendiri atau mengandungi dua kata dasar, ia perlu diasingkan dan khusus bagi soalan di atas, dieja sebagai *ibu pejabat*.

Saya hanyalah seorang pengguna bahasa Malaysia biasa yang biasa ditanya oleh rakan-rakan sekerja tentang soalan seumpama perkara di atas. Tidak seperti ahli bahasa, saya tidak begitu mengetahui atau memahami, misalnya, istilah-istilah seperti *corpus*, morfologi, sintaksis, semantik, dan lain-lain lagi iaitu antara istilah yang digunakan dalam bidang linguistik.

Sejurusnya saya bukanlah merupakan seorang lulusan dalam bidang ilmu bahasa atau mereka yang mengambil disiplin linguistik tetapi saya mengkhusus komunikasi bidang kewartawanan. Namun, saya amat prihatin dengan penggunaan bahasa Malaysia yang betul terutamanya dari segi ejaan. Tentang tatabahasanya pula, saya tidak berapa tahu dan masih terus belajar.

Jadi, apa yang saya tuliskan hanyalah merupakan apa yang saya namakan sebagai *penggunaan bahasa Malaysia dari kaca mata bukan ahli bahasa...* Saya cuba membantu pengguna bahasa Malaysia lain yang sama seperti saya – bukan ahli bahasa. Oleh itu kalau ada ahli bahasa yang terbaca tulisan ini dan mendapati ada kandungan penerangan saya yang salah atau tidak tepat ataupun penulisan saya yang salah, mohon diperbetulkan untuk penambahbaikan berterusan...

Saya pernah membaca apa yang saya maksudkan dengan *boleh berdiri sendiri* di atas. Dua kata dasar iaitu "ibu" dan "pejabat" masing-masing mempunyai makna tersendiri yang kita semua fahami, jadi, kedua-duanya boleh berdiri sendiri dan tidak akan jatuh!

Sebagai perbandingan, bagi saya, perkataan seperti *gunung* dan *ganang* ada masalah sedikit kerana *gunung* memang boleh berdiri sendiri kerana ada makna tetapi rakannya, *ganang*, pula tidak mempunyai makna. Jadi, mungkin sebab itulah ia perlu dieja bersambung dengan tanda sempang iaitu *gunung-ganang*. Perkataan-perkataan seperti *cenderamata* dan yang terbaharu *cenderahati* pun tidak boleh dieja *cendera mata* atau *cendera hati* kerana alasan sebaliknya - tidak boleh berdiri sendiri.

Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian bagi beberapa perkataan dalam perkara ini. Dalam buku *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*, (Nik Safiah Karim et

al, 2015: 72-74), ada dihuraikan tentang perkara ini. Penelitian saya mendapati 15 perkataan yang disifatkan telah mantap, dari segi penggunaannya, sebagai satu perkataan yang utuh meskipun bentuk kata ini ternyata mengandungi dua kata dasar (*yang bagi saya, boleh berdiri sendiri*). "Perkataan yang demikian tetap dieja bercantum sebagai satu perkataan dan dianggap kecualian", menurut huraian berkeraaan. Bentuk-bentuk kata tersebut ialah:

- (1) antarabangsa
- (2) beritahu
- (3) bumiputera
- (4) jawatankuasa
- (5) kakitangan
- (6) kerjasama
- (7) olahraga
- (8) matahari
- (9) setiausaha
- (10) sukarela
- (11) suruhanjaya
- (12) tandatangan
- (13) tanggungjawab
- (14) warganegara, dan
- (15) pesuruhjaya

Di samping itu, perkataan seperti *bandar raya* (ini ejaan yang betul) tetapi telah dieja, sebagai misalan, *Bandaraya Pasir Berdengung* dan telah diwartakan juga dikecualikan dan tidak perlu diperbetulkan. Namun begitu, untuk penggunaan umum pula perkataan *bandar raya* (*bandar* dan *raya*) tetap perlu dieja *bandar raya* seperti halnya dengan Hari Raya, jalan raya dan hantu raya. Ingat: kata yang *boleh berdiri sendiri* iaitu Hari Raya bermakna hari besar, jalan raya bererti jalan yang besar dan hantu raya hantu yang besar; menakutkan!

Semoga kita semua dapat meningkatkan mutu penggunaan bahasa Malaysia kita. Kita hendaklah sentiasa berbuat seperti kata slogan betulkan yang biasa dan biasakan yang betul. Jalan menuju ke puncak tetap penuh ranjau dan duri.

Semasa di bangku sekolah, seorang guru saya pernah menyatakan, bahawa belajar bahasa Melayu ini, menurut Abdullah Munsyi, umpama kita memasuki hutan – mulamula masuk ke hutan nampak mudah tetapi semakin kita memasukinya semakin susah perjalanan kita. Jadi, jangan ambil mudah tentang perkara ini dan mendabik dada menyatakan bahasa Melayu itu mudah dan tidak perlu dipelajari. Akhirnya, perkataan *di* bila perlu disambungkan atau diasingkan pun kita tidak tahu! Maka jadilah perkataan-perkataan begini dalam tulisan sebilangan besar daripada kita: *dimakan*, *diminum*, *disana*, *disini* dan *di makan*, *di minum*, *di sana*, di sini; mana yang betul tu, betullah dan mana yang salah kira nasiblah! Ini main serkap jarang namanya! Sistem ejaan boleh pula dibeli secara pukal / borong

– siapa yang suka nak *di* disambung dia sambungkan *di* sepanjang jalan manakala yang seronok nak asingkan dia pulun habis semua asingkan! Yang peliknya kalau rangkai kata seperti *di Sibu*, *di Kuching*, *di Beladin* – semua orang mengejanya dengan betul dan dapat markah 100%! Ini mungkin kerana kalau dieja begini *di Sibu*, *di Kuching*, *di Beladin*, misalnya, nampak jelek!

Bagi saya sebagai seorang bukan ahli bahasa, nasihat saya kepada rakan semua, kalau sukar sangat hendak menentukan *di* bila disambung atau diasingkan, ikut petua ini: untuk **perkataan perbuatan** (kata kerja) selepas *di* – sambungkan seperti *dimakan*, *diminum*, dan seumpamanya – sambungkan semuanya sepanjang Lebuh Raya Pan Borneo dari Sematan ke Lawas yang dalam pembinaan!

Pengalaman Abdullah Munsyi bergaul dengan masyarakat Melayu, yang baginya, suka mengabaikan bahasanya sendiri menyedarkannya betapa pentingnya mempelajari bahasa Melayu dengan mendalam sebelum mempelajari bahasa orang lain (Siti Aisah Murad, 1996: 13). Perkara ini boleh dijadikan panduan kepada kita semua. Kita mesti belajar dan menguasai bahasa Malaysia sebaik mungkin terlebih dulu di samping kita mempelajari bahasa-bahasa lain. Malang sekali jika kita hanya menguasai bahasa atau bahasa-bahasa lain dengan baik tetapi bahasa Malaysia kita sendiri entah ke mana!

Bagi saya, khusus bagi umat Islam, mempelajari bahasa lain selain bahasa Malaysia (bahasa ibunda orang Melayu) seperti bahasa Arab merupakan sesuatu yang perlu dititikberatkan. Ini bagi memudahkan mereka memahami ajaran agama Islam dan mengamalkan ajarannya.

Dalam konteks negara kita hari ini, kita perlu bersifat pragmatik. Kita perlu mempelajari bahasa-bahasa lain khususnya bahasa Inggeris sebagai alat untuk kita mendapatkan ilmu seperti sains dan teknologi serta matematik, teknologi maklumat dan seumpamanya.

Orang Barat dulu pun belajar bahasa Arab untuk tujuan yang sama - mendapatkan ilmu.

Apabila saya menyatakan bahawa bahasa Inggeris (dan juga bahasa-bahasa lain) sebagai alat untuk kita menadapat ilmu, cuba bayangkan diri kita sebagai **Rambo**, berbadan sasa dan sado. Pada diri Rambo ada alat atau senjata seperti *M16 machine gun* (senjata utama), dia ada dua laras senapang tersangkut di kanan dan kiri bahunya. Dalam saku-saku khas seluarnya pula ada dua pucuk pistol automatik, dua bilah pisau komando dan beberapa butir



Siapa Rambo tidak penting. Yang penting ialah sikap siap siaganya dengan segala ilmu dan senjata untuk menghadapi sebarang kemungkinan wajar dicontohi.

hand grenade. Tersangkut di badannya juga rantaian peluru tersusun rapi. Huh! Hebat! Kita begitu hebat dan pasti akan dihormati kawan dan lawan! Bagi saya, mereka yang menguasai banyak bahasa seperti Dato' Mahadzir Lokman yang, menurut Wikipedia, selain bahasa Malaysia, Inggeris dan Perancis, beliau juga mahir berbahasa Sepanyol, Itali, Portugis, Yunani dan Jepun adalah hebat. Di samping itu, Wan Zaleha Radzi dan Zalina Azman (kini Datin) yang pernah bertugas di TV3 suatu ketika dulu juga adalah hebat. Mereka menguasai, paling kurang, dua bahasa iaitu bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Mereka seperti Rambo, ada banyak senjata!

Kalau kita hanya tahu berbahasa ibunda, bagi saya, kita umpama memiliki selaras senapang patah sahaja (itu pun keluaran masa Jepun memerintah Tanah Melayu dulu!) yang kalau dipatahkan untuk menembak mungkin akan betul-betul patah!

Jadi, apa nak jadi, jadilah... kita perlu menerima hakikat yang negara kita adalah antara negara yang terkemuka dan terkedepan di dunia. Kita perlu menghadapi globalisasi dengan bahasa yang dianggap sebagai bahasa global dan bahasa ilmu utama sekarang ini iaitu bahasa Inggeris. Jangan lagi menganggap bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa penjajah. Itu cerita lapan.

Bahasa Inggeris sekarang bukan lagi merupakan bahasa ekslusif orang Inggeris atau orang Anglo-Saxon (yang pada hakikatnya memang pernah menjajah negara kita). Ia merupakan bahasa antarabangsa bagi sains dan teknologi, kesusteraan dan perhubungan. Bagi saya, kalau ada perkara seperti perairan antarabangsa, ia merujuk kepada kawasan perairan kepunyaan bersama-sama semua negara. Jadi, jika kita menyatakan bahawa bahasa Inggeris ialah bahasa antarabangsa maka ia merupakan bahasa milik semua negara

Bahasa Melayu atau sekarang dikenali juga sebagai bahasa Malaysia pun pernah menjadi bahasa antarabangsa semasa zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka dulu. Ia menjadi *lingua franca*.

Kini, kita ada bahasa seperti *Manglish* (Malaysian English), *Singlish* seperti bahasa Inggeris Phua Chu Kang - "You don't pray pray!" (sebutan sebetulnya "you don't play play"), *Standard Indian English*, *Standard Jamaican English* dan *Standard Singapore English* umpamanya. Itu pun bahasa Inggeris menurut Dr. Alistair King, seorang ahli

linguistik berbangsa Scotland (King, 2012). I ni khusus merujuk kepada bahasa Inggeris lisan (locally spoken versions of English) yang ada mempunyai rangka kata seperti "no lah, yes lah, tah-pau (bungkus) dan perkataan, misalnya, five-foot-way (terjemahan bagi **kaki lima**; penutur bahasa Inggeris asal menggunakan dan hanya mengetahui pavement atau sidewalk dan seumpamanya).

Dalam mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris, saya perhatikan ada antara kita yang yang cepat menyerah kalah dan mencari pelbagai alasan untuk tidak mempelajari dan menguasainya dengan alasan yang paling klasik seperti *apa guna belajar dan menggunakan bahasa penjajah*. Bagi saya, sikap begini merugikan kita sendiri - khususnya orang Melayu di Malaysia dalam jangka masa panjang. Kita bagaikan mencipta musuh untuk diri kita sendiri... Dalam negara bermasyarakat majmuk seperti Malaysia, orang lain belajar bahasa Inggeris bersungguh-sungguh dan mereka mendapat banyak manfaat daripadanya. *Lihat ke dalam diri dan di sekeliling kita... Kita bagaimana?*


Ini lebih merupakan masalah sikap. Ia tidak ubah seperti sikap sang rubah dalam cerita rakyat Inggeris yang dalam keadaan marah menganggap buah anggur adalah masam setelah gagal beberapa kali dalam siri lompatannya, dalam keadaan kehausan dek cuaca panas, untuk memakan buah tersebut! Rubah enggan mengaku kegalannya.

Dalam realitinya buah anggur ada yang masam dan ada yang manis. Terimalah hakikat ini. Cubalah berfikiran dan bertindak secara pragmatik, praktikal, terbuka, positif, berlapang dada serta melihat perkara ini dalam **gambar yang besar** (big picture) supaya kita dapat berdiri sama tinggi dengan orang lain di dalam negara ini dan di dalam dunia ini.

Akhirul kalam, marilah kita ikut pegangan Abdullah Munsyi seperti yang telah saya perkatakan dalam tulisan ini iaitu belajar bahasa Melayu bersungguh-sungguh dengan mendalam dan mempelajari bahasa atau bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan bahasa apa sekalipun demi menimba ilmu yang begitu luas tiada bertebing. Dengan ilmu, menurut Imam al-Syafie, insya-Allah kita akan mendapat dunia dan akhirat seperti maksud ungkapannya, "*Sekiranya kamu inginkan dunia, hendaklah dengan ilmu. Sekiranya kamu inginkan akhirat, hendaklah dengan ilmu. Sekiranya kamu inginkan kedua-duanya, hendaklah dengan ilmu.*" (Zulkifli, 2012: 21). Wassalam.

Rujukan

- (i) Carian PRPM@DBP Malaysia, Pusat Rujukan Persuratan Melayu 2012.
- (ii) King, Alistair, 2012. Linguist: It's okay to speak Manglish. The Star online, 27 November 2012.
- (iii) Nik Safiah Karim et al, 2015. Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (iv) Ong Ching Guan, 2009. Kuasai Struktur Ayat Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (v) Siti Aisah Murad, 1996. Abdullah Munsyi dan Masyarakat Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (vi) Zulkifli Mohd. al-Bakri (Dr.), 2012. Kuasa Iqra': Menguasai Dunia Menikmati Akhirat. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- (vii) The Fox and the Grapes (Literature Network – carian dalam talian)
- (viii) Wikipedia, Mahadzir Lokman (carian dalam talian)



Sang rubah marah selepas tidak dapat makan buah anggur dan menganggapnya masam.

IBU PEJABAT JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang Tiga, 93532 Kuching, Sarawak.

Tel : 082-242261 Fax : 082-244909 / 082-237051

E-mel : jtknsarawak@mohr.gov.my

Laman Web : <http://jtkswk.mohr.gov.my>

Talian Terus Bilik Gerakan Gaji Minimum : 082-254281

E-mel Bilik Gerakan Gaji Minimum : gajimin.swk@mohr.gov.my

DIREKTORI

PEJABAT TENAGA KERJA KUCHING

Tkt.7 & 8, Bangunan KWSP, Jalan Upland,

Peti Surat 375, 93300 Kuching, Sarawak.

Tel : 082-247349 Faks : 082-247305

E-mel : jtkbkuching@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SIBU

Tkt.3, Wisma Persekutuan Blok 3, Lot 462, Persiaran Brooke, Peti Surat 431, 96007 Sibu, Sarawak.

Tel : 084-330700 Faks : 084-317284

E-mel : jtkbsibu@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA MIRI

Tkt.3, Bgn. Persekutuan, Jln Gartok, Peti Surat 541, 98007 Miri, Sarawak.

Tel : 085-419949 Faks : 085-417181

E-mel : jtkbmiri@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA LIMBANG

Tkt.2, Bgn Persekutuan
Jalan Fisher, Peti Surat 128,

98707 Limbang, Sarawak.

Tel : 085-211228 Faks : 085-212461

E-mel : jtkblimbang@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SRI AMAN

Tkt. Bawah, Bgn. Persekutuan Fasa II, Jalan Kejatau, Peti Surat 83, 95007 Sri Aman, Sarawak.

Tel : 083-322527 Faks : 083-323194

E-mel : jtkbsriaman@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA KAPIT

Tkt.2, Wisma Persekutuan,
Jln. Kapit By-Pass, Peti Surat 75,
96807 Kapit, Sarawak.

Tel : 084-796430 Faks : 084-797637

E-mel : jtkbkapit@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SARIKEI

Tkt.2, Wisma Persekutuan, Jln. Bgn. Kerajaan, 96100 Sarikei, Sarawak.

Tel : 084-651242 Fax : 084-654011

E-mel : jtkbsarieki@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA BINTULU

Tkt.2, Bgn. Persekutuan, Batu 2, Jln Bintulu/Miri, Peti Surat 418, 97008 Bintulu, Sarawak.

Tel : 086-337625 Faks : 086-339457

E-mel : jtkbbintulu@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA MARUDI

Tkt.2, Wisma Persekutuan, Jln Kampung Cina,

Peti Surat 224, 98508 Marudi, Sarawak.

Tel : 085-755963 Faks : 085-756559

E-mel : jtkbmarudi@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SERIAN

Tkt. Bawah, Lot 1061-1062, Jln Alamanda, Serian Town District, 94700 Serian, Sarawak.

Tel : 082-874840 Faks : 082-875299

E-mel : jtkbserian@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA BAKUN

No.4 Sungai Asap Commercial Centre, Belaga Peti Surat 418, 97008 Bintulu, Sarawak.

Tel : 019-8595286 Faks : 086-339457

E-mel : jtkbbakun@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA KOTA SAMARAHAN

Sub Lot No.33, Lot 4681, Tkt.Bawah 1 & 2, Fasa 17, Blok 1, Desa Ilmu, Sarawak Land District, Jln Dato' Mohd Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak.

Tel : 082-616073 Faks : 082-616054

E-mel : jtkbsamarahan@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA SARATOK

Ground Floor, 3 Storey Shophouse, Lot 719, Saratok Town District, 95400 Saratok, Sarawak.

Tel : 083-438603 Faks : 083-438609

E-mel : jtkbsaratok@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA LAWAS

Tingkat Bawah 1 & 2, Bangunan Kedai 3 Tingkat, Lot 334, Jln Trusan, Lawas Town District, 98850 Lawas, Sarawak.

Tel : 085-285452 Faks : 085-285476

E-mel : jtkblawas@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA BETONG

Sublot 35 of Parent Lot 1992, Phase 3, Block 9, Batu Api Land District, Betong Newtownship, 95700 Betong, Sarawak.

E-mel : jtkbbetong@mohr.gov.my

PEJABAT TENAGA KERJA MUKAH

Sublot No.43, Lot 924 & 927, Block 68, Mukah Land District, Mukah Town Extension Phase II, 96400 Mukah, Sarawak.

Tel : 084-874179 Faks : 084-874182

E-mel : jtkbmukah@mohr.gov.my

JOBSMALAYSIA (JMC) KUCHING

Sublot 17, Lot 11884, Ground Floor (Corner Lot), KCID, Jalan Tun Jugah, 93532 Kuching, Sarawak.

Tel : 082-576497 Faks : 082-576492

E-mel : jmckch@mohr.gov.my

Diterbitkan oleh:

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak. Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Tenaga Kerja Sarawak. Artikel yang disiarkan dalam buletin ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar JTK Sarawak.